

Menyelami
Hidup Anda

ISNIN 07.06.2021

Hartini juarai isu kanak-kanak

MENYAKSIKAN kesukaran hidup kanak-kanak dalam kalangan miskin bandar terutamanya di sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur, telah mendorong Datuk Dr. Hartini Zainudin membantu golongan tersebut berasaskan pengalamannya selama kira-kira dua dekad sebagai aktivis sosial kanak-kanak di Amerika Syarikat.

(7 Jun 2021) kosmo.p.16



HARTINI mahu nasib kanak-kanak di negara ini terus terbela.

Pembela sejati nasib anak-anak Chow Kit



Rencana Utama

Oleh
KHAIRIYAH
HANAFI

NALURI keibuan wanita itu terserlah tatkala melihat dirinya sibuk melayan kerenah anak-anak kecil yang mengerumuninya.

Biarpun pelbagai soalan tidak putus-putus keluar daripada bibir-bibir si kecil itu, namun Datuk Dr. Hartini Zainudin yang merupakan salah seorang pengasas Yayasan Chow Kit (YCK) begitu tenang menjawabnya satu per satu.

YCK merupakan sebuah organisasi bukan berorientasikan keuntungan yang memberi perlindungan dan sokongan buat kanak-kanak terbiar, miskin, mangsa penderaan atau tidak miliki kerakyatan di sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur.

Apa yang membuatkan penulis tersentuh ialah setiap jawapan yang diberikan turut diselitkan dengan senyuman manis di wajahnya.

Mula menjadi aktivis sosial yang membela nasib kanak-kanak sejak dirinya berusia hujung belasan tahun sewaktu mengikuti pengajian di Amerika Syarikat (AS), jelas sekali jiwa wanita kelahiran Johor Bahru, Johor dan dibesarkan di Petaling Jaya, Selangor ini begitu dekat dengan kanak-kanak.

Bukan sekadar mengasaskan YCK, Hartini juga merupakan Ketua Pengarah Eksekutif bagi Yayasan Siti Sapura Husin, sebuah organisasi memfokuskan keperluan anak-anak, orang tua dan orang buta yang miskin atau terpinggir.

Hartini juga merupakan anggota Majlis Penasihat Nasional Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung kesejahteraan dan perlindungan kanak-kanak.

Justeru, tidak hairanlah jika namanya begitu dikenali sebagai aktivis sosial terutama atas sumbangannya menyelamatkan anak-anak jalanan dan terbiar yang memerlukan perlindungan khususnya menerusi YCK.

Populariti wanita yang menerima anugerah Tokoh Wanita Berdaya 2019 ini



SIFATNYA yang penuh kemesraan dan empati yang tinggi membuatkan Hartini mudah didampingi semua termasuk golongan kanak-kanak dan remaja.

turut bersemarak apabila wajah Hartini diabadikan pada setem Pos Malaysia pada awal tahun ini.

"Saya bekerja dengan kanak-kanak sebagai aktivis sosial sewaktu menuntut di AS lagi. Pada waktu itu, saya bermula dengan menyertai pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara itu yang memperjuangkan hak kanak-kanak.

"Bagaimanapun, selepas kira-kira 20 tahun di perantauan, pada tahun 2005, saya pulang ke Malaysia dan mula menyertai program NurSalam kelolaan sebuah NGO, Yayasan Salam yang turut menumpukan bantuan buat kanak-kanak di Chow Kit. Program NurSalam kemudian telah diperbadankan menjadi Yayasan Chow Kit pada tahun 2010 dan saya merupakan salah seorang pengasasnya," katanya yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Pendidikan Bahasa

Inggeris disusuli Ijazah Doktor Falsafah Pemantauan dan Penilaian (Pendidikan) dari Universiti Columbia, New York.

Enggan berkongsi banyak tentang perihal peribadinya, wanita ini sebaliknya mahu usaha pembangunan dan pembelaan kanak-kanak yang lebih ditonjolkan.

Hartini berkata, dia banyak menyaksikan kesukaran dihadapi sesetengah keluarga di negara ini terutamanya dalam kalangan miskin bandar di Chow Kit.

Di sebalik kemegahan dan kemajuan bandar raya Kuala Lumpur, kawasan Chow Kit masih dibelenggu dengan isu sosial yang tidak berkesudahan.

Majoriti penghuni di kawasan itu terdiri daripada golongan miskin bandar. Dengan masalah kewangan, kedua-dua ibu bapa terpaksa bekerja untuk menyara keluarga.

SEORANG kanak-kanak dari kawasan Chow Kit menunjukkan kreativitiya menghasilkan sampul raya baru-baru ini.



PUSAT aktiviti kanak-kanak di Chow Kit ini mengumpulkan anak-anak di kawasan itu untuk melakukan pelbagai aktiviti menarik dan berfaedah.



DI sebalik kemajuan bandar raya Kuala Lumpur, kawasan Chow Kit masih dibelenggu isu sosial yang tidak berkesudahan.

INFO

Aktivis sosial popular Malaysia

- **Syed Azmi Alhabshi**
Ahli farmasi yang memilih untuk menjadi aktivis sosial. Terkenal kerana memperjuangkan masalah orang tua dan kanak-kanak kurang berkemampuan
- **Dr. Madhu Sudhan**
Seorang pakar perubatan dan pemilik Teddy Mobile Clinic yang memberikan rawatan kesihatan percuma kepada kumpulan gelandangan sekitar Kuala Lumpur
- **Ustaz Ebit Lew**
Seorang ustaz yang sangat dikenali dengan sifat kedermawanannya dan sentiasa peka dengan kesusahan yang sedang dihadapi oleh masyarakat dalam apa jua situasi
- **Kuan Chee Heng**
Turut dikenali sebagai Uncle Kentang, bantuan yang dihulurkan lelaki ini tanpa mengira kaum sering kali menyentuh hati masyarakat



ANAK-ANAK ini turut diberikan akses kemudahan pembelajaran dan permainan.

kewarganegaraan.

"Saya lihat anak-anak ini mempunyai banyak potensi tetapi mereka tidak berpeluang mengembangkan minat dan bakat semula jadi yang dimiliki atas kekangan-kekangan tersebut.

"Di sinilah mereka akan diberikan ruang yang selamat dan didedahkan kepada banyak peluang positif bagi

membolehkan setiap seorang daripada mereka mengenali dan mencungkil potensi diri masing-masing," katanya.

Melihatkan isu sosial yang sering membelenggu kanak-kanak kurang bernasib baik, Hartini menjelaskan, hanya dengan pendidikan golongan ini mampu keluar daripada masalah kemiskinan.

Hartini telah mewujudkan pusat aktiviti anak-anak sekitar Chow Kit yang dinamakan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) dan KrashPad. PAKK menumpukan program untuk kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun, manakala KrashPad untuk remaja berusia 13 hingga 18 tahun.

Diumpamakan seperti 'rumah' bagi anak-anak ini, pusat tersebut merupakan satu-satunya tempat yang membolehkan mereka belajar, bermain dan bergaul dengan rakan-rakan dalam persekitaran selamat, selain memberi nilai tambah kepada diri masing-masing.

"Pendidikan menjadi fokus utama kami kerana dengan pendidikan jugalah mereka boleh pergi jauh dan maju ke depan. Mengambil contoh pada musim pandemik yang mana proses pembelajaran dilakukan secara dalam talian, lihat sajalah perbezaan di antara kanak-kanak dalam kalangan keluarga berada dan miskin.

"Kebiasaannya, anak-anak miskin cenderung untuk tercicir kerana kemudahan dan capaian akses kurang baik atau mungkin juga tidak miliki sistem sokongan yang bagus. Justeru di sini kami melengkapkan mereka dengan pelbagai bentuk kemahiran yang diajar oleh para guru dan sukarelawan berpengalaman," katanya.

Kongsinya lanjut, terdapat anak-anak bimbingan YCK 'terbang tinggi' apabila ada antara mereka yang telah berjaya bergelar doktor, kaunselor dan guru.

"Biarpun mereka hidup dalam serba kekurangan, namun mereka mempunyai semangat dan cita-cita yang tinggi. Justeru, mereka sewajarnya diberi peluang yang sama seperti kanak-kanak lain di luar sana untuk mencapai impian.

"Saya gembira melihat sokongan diberikan badan-badan dan syarikat korporat terhadap anak-anak ini misalnya penganjuran Kempen Dutch Lady #DanaRM1JutaHarapan baru-baru ini yang membolehkan anak-anak kurang bernasib baik memenangi dana pendidikan untuk masa akan datang.

"Ia secara tidak langsung memberi sinar harapan baharu buat anak-anak ini," katanya.



MOHD. ZAIDI

Status sosial bukan kayu ukur penentu kejayaan

PELAJAR-PELAJAR miskin atau kurang bernasib baik sering kali dilabelkan sebagai kelompok tercicir dan gagal oleh sesetengah pihak sedangkan kekurangan yang mereka hadapi berkait kesukaran untuk mendapat akses pembelajaran secara menyeluruh.

Stigma pelabelan sebegini bagaimanapun perlu diubah dan masyarakat tidak sewajarnya memukul rata tahap pendidikan seseorang hanya dengan melihat status sosial.

Buktinya, menerusi kenyataan dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 2019, daripada 9,350 pelajar yang berjaya ditempatkan di Sekolah Berasrama Penuh seluruh negara, 52.28 peratus ataupun 4,888 daripadanya merupakan pelajar golongan B40.

Menurut Pensyarah Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial Universiti Selangor, Prof. Dr. Mohd. Zaidi Hajazi, faktor kejayaan seseorang insan ialah pengetahuan, komitmen dan visi hidup yang jelas.

"Status sosial tinggi bukanlah kayu pengukur atau penentu kejayaan seseorang. Bagaimanapun, tidaklah dinafikan, aspek tahap kewangan sedikit sebanyak membantu.

"Apa yang pasti, untuk mencapai kejayaan, anak itu perlu diberi pendedahan sosial sejak kecil meliputi kemahiran insaniah dan kehidupan bersosial yang baik. "Ramai anak yang datang daripada status sosial yang rendah mampu berjaya dengan adanya formula seperti itu," katanya.

Tegasnya, pada hari ini, banyak kejayaan telah dilakar para pelajar daripada pelbagai latar belakang tanpa mengira status sosial atau taraf hidup keluarga.